

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/2 Jld.3 (10)

Tarikh : 70 Julai 2020

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 5/2020

PENAWARAN DEGREE TRANSFER PROGRAMME (DTP)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. *Degree Transfer Programme* (DTP) merupakan satu bentuk program yang dibangunkan khusus untuk membolehkan pelajar membuat pemindahan kredit secara *horizontal* ke Institusi Pengajian Tinggi Luar Negara (IPTL) bagi melengkapkan pengajian pada peringkat Sarjana Muda. Program ini tidak boleh dianggap sebagai satu kelayakan penuh Sarjana Muda [Tahap 6 Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF)]. Berikut adalah DTP yang ditawarkan di Malaysia iaitu:

- i. *American DTP* (ADTP); dan
- ii. Selain ADTP seperti United Kingdom (UK) DTP dan *Australian DTP*.

3. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPT-MQA Bil. 1/2020 bertarikh 10 Mac 2020 telah bersetuju dengan dasar penawaran DTP seperti dalam **Lampiran A**.

4. Sejarar dengan fungsi Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) sebagai badan kebangsaan yang melaksanakan dan mengemaskini MQF, mengakredit program atau kelayakan pendidikan tinggi, mengawal selia kualiti dan standard PPT dan mengadakan serta menyenggarakan Daftar Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Register, MQR) untuk kepentingan umum, pihak MQA berharap agar semua PPT mengambil maklum dan memastikan pelaksanaan penawaran program DTP adalah selaras dengan ketetapan ini.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang benar,



PROF. DATO' DR. HUSAINI BIN OMAR

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
4. SUSK YB Menteri Pengajian Tinggi
Pejabat Menteri Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
5. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR
6. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR
7. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Universiti Teknologi Malaysia
81310 SKUDAI, JOHOR

8. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) (JKTNCRA IPTA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Aras 4, Canselori Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR
9. Sekretariat
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam
Pusat Pengajian Siswazah
Universiti Malaysia Kelantan
Karung Berkunci 36
16100 PENKALAN CHEPA, KELANTAN
10. Sekretariat
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)
Pejabat Presiden
Universiti Multimedia
Persiaran Multimedia
63100 CYBERJAYA, SELANGOR
11. Presiden
Persatuan Kebangsaan Institusi Pengajian Tinggi Swasta Bumiputera Malaysia (PKIBM)
c/o Pejabat Komunikasi Korporat, Kumpulan Pendidikan Uniti
Pt 7445 & Pt 7446, Jalan Bbn1/2h, Putra Point 1
Bandar Baru Nilai 1
71800 NILAI, NEGERI SEMBILAN
12. Presiden
Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU)
c/o Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT)
Jalan Inovasi 1, Techonology Park Malaysia
Bukit Jalil
57000 KUALA LUMPUR
13. Presiden
National Association of Private Educational Institutions (NAPEI)
A-1-3, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1
46050 PETALING JAYA, SELANGOR

LAMPIRAN A

Ketetapan bagi penawaran program DTP adalah seperti berikut:

Bil.	Perkara	ADTP	DTP (selain ADTP)
1.	Penamaan program Penamaan program hendaklah menyatakan negara dan bidang pengajian.	Contoh: "American Degree Transfer Program (Arts)" "American Degree Transfer Program (Applied Science)"	Contoh: "UK Degree Transfer Programme (Arts)" "Australian Degree Transfer Programme (Law)"
2.	Jumlah Kredit	60 kredit termasuk mata pelajaran pengajian umum (MPU) U1 Sarjana Muda Tahap 6 MQF	80 kredit termasuk mata pelajaran pengajian umum (MPU) U1 Sarjana Muda Tahap 6 MQF
3.	Tempoh pengajian	Tempoh maksimum ialah 2 tahun.	
4.	Peringkat pengajian	Kurikulum yang dibangunkan hendaklah sebahagian daripada komponen kurikulum peringkat Sarjana Muda Tahap 6 MQF.	
5.	Kelayakan masuk	Lulus SPM atau setara dengan sekurang-kurangnya 5 kepujian dalam mana-mana mata pelajaran.	Lulus STPM atau setara dengan sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam mana-mana 2 mata pelajaran.
6.	Kelayakan staf akademik	Sekurang-kurangnya Sarjana dalam bidang berkaitan kecuali bagi tahun pertama pengajian (freshman) di mana kelayakan staf akademik adalah sekurang-kurangnya Sarjana Muda.	Sekurang-kurangnya Sarjana dalam bidang berkaitan.
7.	Penganugerahan	Menganugerahkan sijil kehadiran "Certificate of Completion in ..." kepada pelajar yang telah selesai mengikuti program DTP. Ini tidak membawa kepada penganugerahan kelayakan Sarjana Muda.	

Bil.	Perkara	ADTP	DTP (selain ADTP)
8.	Bukti kerjasama	<p>Mempunyai bukti kerjasama dengan Institusi Pengajian Tinggi Luar Negara (IPTL) dalam apa jua bentuk yang dapat menjamin peluang pindah kredit.</p> <p>PPT perlu mengemukakan sekurang-kurangnya 3 IPTL bagi tujuan laluan pindah kredit pelajar semasa permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh.</p>	